

Fountain of **KNOWLEDGE**

Volume

54

JULY - SEPTEMBER 2012 ISSN No. 1675-1183

• Pustaka Negeri Sarawak • Pustaka Miri • State Record Repository •



KEMPEN KEBERSIHAN :
SAYA SAYANG PUSTAKA
SIRI 2

03



PUSTAKA MIRI SERTA
PERBARISAN DAN RAPAT
RAKSASA SEMPERNA
HARI JADI TYT
SARAWAK KE-91

10



MINGGU KEUSAHAWANAN
2012 PUSTAKA NEGERI
SARAWAK

07

 like us on [f pustakasarakawak](https://www.facebook.com/pustakasarakawak)

 Follow us on [t pustakasarakawak](https://twitter.com/pustakasarakawak)

CEO MESSAGE

Assalamualaikum w.b.t

Learning to read begins before children start schooling. Children need to develop language and literacy skills before they can actually learn to read. Parents and caregivers should start early to help their children develop these skills. Pustaka Negeri Sarawak has an exciting new workshop series designed to help get Every Child Ready to Read®. Research shows that children who develop essential language and other early literacy skills before they start kindergarten become better readers. Children who do not know these skills when they begin school have a more difficult time learning to read.

Each of the Every Child Ready to Read® program explains why the skills are important, demonstrates how to help children learn the skills, provides titles of interesting books that are appropriate, and facilitates parents and caregivers with early literacy activities to be incorporated into their family's routine.

According to the Association for Library Services to Children (ALSC) and the Public Library Association (PLA), the divisions of the American Library Association that developed Every Child Ready to Read® @ your library, parents and other caregivers are in the best position to help young children learn these skills because parents know their children best and can help them learn in ways and at times that are convenient for them. Apart from that, young children have short attention spans. Parents and caregivers can engage children in language and literacy activities for short bits of time throughout the day. Parents are also the role models to their children. The children are more likely want to read if they see that their parents value and enjoy reading.

Pick up a schedule of upcoming Every Child Ready to Read® workshops at the library or find information on our website at

<http://www.pustaka-sarawak.com/> or

Facebook:

<http://www.facebook.com/pustaka.sarawak>.



Japri Bujang Masli

Pemangku Ketua Pengawai
Eksekutif

Pustaka Negeri Sarawak



EDITORIAL COMMITTEE

ADVISOR

Japri Bujang Masli

EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

COMMITTEE MEMBERS

Laurena Aloh

Edison Ricket

Bronny Lawrence Nawe

Sofina Tan Sofian Tan

Alya Faeqah Hj Hamali

Norzihan Abdullah

Mohd. Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia

Tel : 6 082 442000

Fax : 6 082 449944

Contact : librarian@sarawak.gov.my

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



www.pustaka-sarawak.com



oleh : Alya Faeeqah Hamali (alyafh@sarawak.gov.my)

AJK 5S & Ahli Kumpulan 5S membawa poster Kempen Kebersihan untuk digantung di sekitar taman Pustaka

Para pelajar dibantu oleh AJK 5S menggantung poster kempen kebersihan di pokok-pokok di taman Pustaka.

Para pelajar berbaris dan dibahagikan mengikut kumpulan sebelum aktiviti gotong-royong bermula.

Kempen Kebersihan : **SAYA SAYANG PUSTAKA SIRI 2**

Kempen Saya Sayang Pustaka Siri 2 kembali lagi... Pada 23 September 2012 yang lalu, kumpulan penggerak 5S sekali lagi telah mengadakan Kempen Kebersihan : Saya Sayang Pustaka Siri 2 yang berlangsung di sekitar kawasan dataran dan taman Pustaka. Pada kali ini, kempen ini telah disertai oleh lebih dari 60 orang pelajar tahun 4 – 6 dari beberapa sekolah sekitar Kuching, Sarawak yang turut menyertai Program Perkhemahan Ilmu 2012 anjuran Pustaka Negeri Sarawak.

Kempen Kebersihan ini merupakan salah satu pengisian aktiviti untuk para pelajar semasa hari terakhir Perkhemahan Ilmu 2012. Seawal jam 7:00 pagi, para pelajar telah berkumpul di dataran Pustaka. Mereka telah diberikan taklimat ringkas mengenai aktiviti gotong royong dan telah dibahagikan kepada 9 buah kumpulan. Setiap kumpulan diketuai dan dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa dan Kumpulan 5S Pustaka.

Sepanjang aktiviti dijalankan, para pelajar telah bekerjasama membersihkan persekitaran taman Pustaka dengan mengutip sampah sarap dan menggantung poster kempen kebersihan di sekitar taman dan persekitaran Pustaka.

Program Kempen Kebersihan: Saya Sayang Pustaka pada kali ini telah mencapai sebahagian dari objektifnya iaitu telah memberi peluang kepada lebih banyak lagi penglibatan orang awam untuk terlibat dalam program Kempen Kebersihan di samping memupuk semangat kerjasama dan saling membantu di kalangan orang awam agar tidak membuang sampah di persekitaran Pustaka.



Buletin 5S

oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

Bersempena dengan Hari Penutup Minggu Inovasi, pada 21 September 2012 Komite 5S telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan 5S Siri 1/2012. Bagi kategori Individu telah dimenangi oleh Bronny Lawrence Nawe, dari Bahagian Penyelidikan Bangunan, manakala Kategori Individu Harapan dimenangi oleh Arman Chee dari Unit Pengurusan Bangunan dan Ismewati Hj. Narawi dari Unit Kewangan. Kategori Kumpulan Terbaik pula dimenangi oleh Kumpulan 5 Star di mana Bilik Sumber Elektronik, Bahagian Khidmat Teknikal telah terpilih sebagai lokasi terbaik. Kategori Kumpulan Harapan pula dimenangi oleh Kumpulan Smart Members dari Unit Kewangan dan Kumpulan Tantara Shinbei dari Sektor Perkhidmatan Depositori, Bangunan Repositori Rekod Negeri. Kali ini, satu anugerah baru telah diperkenalkan iaitu Anugerah Khas 5S, Contoh pengamalan 5S Terbaik dimenangi oleh Kumpulan Rafflesia di mana lokasi terpilih adalah Bilik PABX, Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Sejajar dengan moto "Persekitaran Kondusif Kerja Efektif", staf Pustaka Negeri Sarawak semakin giat melaksanakan amalan 5S, semoga amalan ini diteruskan bagi pensijilan semula yang akan dilaksanakan pada bulan Oktober ini.



OVERWHELMING RESPONSE FOR 'REMEMBERING ANTHONY' EXHIBITION IN MIRI

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... Pustaka Miri held an exhibition on the last Rajah Muda of Sarawak, Anthony Walter Dayrell Brooke, starting 20th June until 31st August 2012.

Themed 'Remembering Anthony', the exhibition provided insights into his life from his early years to his experiences as the Rajah Muda of Sarawak during the British rule up until his demise in 2011 at the age of 98.

The third Rajah of Sarawak Sir Charles Vyner Brooke was Anthony's uncle. Sarawak was under the rule of the Brooke Family, starting with Sir James Brooke in 1841 until the Japanese invasion in 1941.

Since Charles had no male heir, Anthony was duly appointed Rajah Muda (Crown Prince) and heir-apparent in his place.

He was the last member of the Brooke family to have administered the government of Sarawak (1939-1940).

After the Second World War (WWII) ended, and with Sarawak liberated from Japanese rule, Anthony strongly opposed the annexation of Sarawak as a British colony in 1946, and responded to calls coming from the various newly formed political groups in Sarawak to lead the independence campaign against British rule.

Campaigning vigorously for five years, he withdrew in 1951 only when the spread of Communism seemed to be a greater threat to stability in Sarawak.

Anthony then embarked upon a programme of world travel, speaking with groups on the rights, responsibility and power of the individual in helping to bring about a democratic world order.

The exhibition in Pustaka Miri also included display of stamps from the Brooke era, which is the personal collection of avid antique collector Lucas Johnny.

The informative exhibition was supposed to end on 20th July 2012 but due to good response as well as requests for it to be extended, the library decided to do so. Last year, the exhibition was held in Pustaka Negeri Sarawak.

MAJLIS MAKAN MALAM 'SEMAIAN KASIH AIDILFITRI' ANJURAN BERSAMA PUSTAKA MIRI & HOTEL MEGA MIRI

oleh : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)



SELAMAT HARI RAYA... Anak-anak menerima sumbangan Aidilfitri.

MIRI... Lebih 100 orang anak-anak yatim dan istimewa telah diraikan oleh Pustaka Miri dan Hotel Mega Miri di Majlis Makan Malam 'Semaian Kasih Aidilfitri' pada 27 Ogos 2012 lalu.

Majlis yang dianjurkan bersama kedua-dua organisasi tersebut adalah bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan ianya telah diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Abang Haji Muhammad Salahuddin dan isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Hajah Norkiah.

Turut hadir sama pada majlis tersebut adalah Ahli Parlimen Sibuti YB Ahmad Lai Bujang, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Datuk Mohd. Naroden Majais, Residen Miri Antonio Kahti Galis, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri Lawrence Lai Yew Son, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Japri Haji Bujang Masli, Pengurus Wilayah Pustaka Miri Salina Haji Zawawi, Pengarah Urusan Hotel Mega Datuk Ting Ong Hua dan Pengurus Besar Hotel Mega Douglas Low.

Acara utama pada malam tersebut adalah penyampaian sumbangan Aidilfitri berbentuk duit raya dan kelengkapan sekolah kepada anak-anak yang diraikan. Selain itu, anak-anak serta semua tetamu yang hadir turut meraikan hari jadi ke-91 Tuan Yang Terutama yang jatuh tepat pada hari tersebut.

Majlis Makan Malam Semaian Kasih Aidilfitri adalah kolaborasi seumpamanya yang kedua antara Pustaka Miri dan Hotel Mega Miri. Pada tahun 2011, kedua-dua organisasi ini telah bekerjasama dalam mengelola Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim yang juga disaksikan oleh Tuan Yang Terutama serta isteri.

Pustaka Miri telah mula bekerjasama dengan Hotel Mega sejak tahun 2005 dengan penganjuran Kempen Derma Darah yang diadakan setiap tahun dalam bulan Disember bersempena ulangtahun kedua-dua organisasi. Ianya adalah usahasama untuk aspirasi kemasyarakatan yang sama dari segi keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan.

PERTANDINGAN PERPUSTAKAAN KELUARGA 2012

oleh : Norlailawaty Ismail (norlai2@sarawak.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Perpustakaan Keluarga 2012 yang telah diadakan pada 01 April sehingga 25 Mei 2012 yang lepas. Pertandingan ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu rumah desa/kampung dan taman perumahan. Pertandingan ini terbuka kepada penduduk di sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan sahaja.

Objektif pertandingan ini adalah:

1. Menanam minat membaca secara berterusan di kalangan ahli keluarga.
2. Memberi anak-anak pendedahan kepada pelbagai bentuk bahan bacaan dan sumber maklumat.
3. Aktiviti membaca menjadi amalan biasa seisi keluarga.
4. Menanam sikap menghargai bahan bacaan dan ilmu di kalangan keluarga.
5. Membantu ahli keluarga dalam proses pembelajaran semasa di rumah.

Pustaka telah menerima lima (5) penyertaan daripada kawasan perumahan di sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan. Sesi lawatan ke rumah para peserta telah dijalankan pada 06 dan 19 Jun 2012. Manakala sesi penghakiman pula telah dijalankan pada 14 dan 15 September 2012.

Pada 22 September 2012 yang lepas, telah diadakan majlis penyampaian siji dan hadiah yang telah disempurnakan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak.

Tempat pertama telah dimenangi oleh Encik Zapari Mardan dari taman perumahan RPR Jalan Astana, tempat kedua pula dimenangi oleh Encik Rahmatullah Mohd Osman dari taman perumahan Jalan Sungai Tengah, Matang. Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Encik Syahrul Nizam Junaini dari taman perumahan Taman Haji Ludin, Semariang.



Pemenang peserta Pertandingan Perpustakaan Keluarga 2012. En Zapari Mardan selaku johan

En Rahmatullah Mohd Osman yang diwakilii oleh isteri beliau mendapat tempat kedua.

En Syahrul Nizam Junaini ditempatkan ketiga.



spring cleaning @ pustaka

oleh : Alya Faeqah Hamali (alyafh@sarawak.gov.my)

Pada 24 September 2012 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan aktiviti Spring Cleaning di tempat bertugas masing – masing dan di lokasi kumpulan 5S. Penganjuran aktiviti Spring Cleaning ini adalah bertujuan ke arah pensijilan semula 5S. Sepanjang aktiviti berlangsung, para individu dan ahli-ahli kumpulan 5S Pustaka telah memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam membersihkan dan mengemas kawasan masing-masing.

SMALL WONDER!

Learning to read begins at birth.

by : Edison Ricket (edisonr@sarawak.gov.my)



Pustaka Negeri Sarawak has an exciting new workshop series designed to help get Every Child Ready to Read®. Research shows that children who develop essential language and other early literacy skills before they start kindergarten become better readers. Children who do not know these skills when they begin school have a more difficult time learning to read.

Parents and other caregivers can learn how to develop these important skills through the library's Every Child Ready to Read® workshops, which:

- Demonstrate how to help children learn early literacy skills.
- Engage adults and children in fun activities that use simple but powerful learning experiences.
- Send parents and caregivers home with early literacy activities to incorporate into everyday routines.

Pick up a schedule of upcoming Every Child Ready to Read® workshops at the library or find information on our website at <http://www.pustaka-sarawak.com/>

Libraries are centers for early childhood literacy. In addition to the Every Child Ready to Read® workshops, Pustaka Negeri Sarawak has books, programs, and other resources to help parents understand how to prepare children to become fluent readers and eager learners.





oleh: Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)

MINGGU KEUSAHAWANAN 2012 DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama TEKUN Nasional, Amanah Saham Nasional Berhad dan Kolej SATT telah mengadakan Minggu Keusahawanan 2012 pada 28-30 September 2012 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak.

Pelbagai aktiviti yang bermanfaat telah diadakan sepanjang 3 hari program tersebut berlangsung. Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang program tersebut berlangsung adalah Seminar Rancangan Perniagaan oleh TEKUN Nasional yang bertujuan untuk memberi khidmat nasihat kepada bakal usahawan untuk memilih bidang perniagaan yang menguntungkan dan agensi yang boleh dirujuk untuk mendapatkan pembiayaan. Selain itu, Seminar Pelaburan 360 Hari oleh Amanah Saham Nasional Berhad juga telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan perancangan kewangan untuk masa depan. Semasa Minggu Keusahawanan ini diadakan, beberapa bengkel telah diadakan iaitu Bengkel "Homemade Chocolate", Bengkel Kek Cawan (cupcake) dan Bengkel Kraftangan Manik. Melalui bengkel-bengkel ini diharap dapat memberi tunjuk ajar dan pendedahan kepada orang awam teknik-teknik untuk mencipta produk sendiri yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan.

Disamping itu juga, program Sepetang Bersama Usahawan Wanita juga telah diadakan dimana panel jempuan adalah Puan Aishah binti Jamil merupakan seorang pemilik kedai dobi Aiza Laundry & Cleaning Service.

Beliau telah berkongsi suka duka dan pengalaman pahit manis beliau sebelum dan selepas bergelar usahawan. Selain daripada aktiviti-aktiviti tersebut, terdapat juga pameran produk halal dan tidak halal oleh pihak JAKIM, pameran NKEA oleh pihak KPDNKK, pameran insurans oleh TAKAFUL IKHLAS, kaunter khidmat nasihat pihak TEKUN dan ASNB. Malalui program seumpama ini diharap masyarakat umum dapat menambah pengetahuan dan Pustaka Negeri Sarawak secara tidak langsung dapat menjalankan tanggungjawab sosial kepada komuniti di sekitarnya.

BLOOD DONATION AT PUSTAKA MIRI

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... Pustaka Miri organized its Annual Blood Donation Drive on Saturday, 7th July 2012 with the assistance of Miri Blood Bank.

A total of 38 donors out of 43 successfully donated their precious blood to save lives.

The donors were given tokens of appreciation and light refreshment, which were incomparable to their selfless deeds.

Another blood donation drive will be held end of the year with the cooperation from one of the library's smart partners – Mega Hotel. It will be the eighth (8th) year of such collaboration between the two organizations.



GOOD SAMARITANS... Staff and outsiders alike doing their bid to save lives by donating blood.



NEWBIE... Technician Mohd. Bakhtiar Supardi slightly nervous as he donates blood for the first time.

PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA SEKOLAH – SEKOLAH MENENGAH SEKITAR BANDARAYA KUCHING 2012

oleh : Norailawaty Ismail (norali2@sarawak.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan antara Sekolah – Sekolah Menengah sekitar Bandaraya Kuching 2012 yang telah diadakan pada 02 April 2012 sehingga 30 Ogos 2012. Pertandingan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai kaedah penggunaan sumber maklumat bercetak dan bukan bercetak bagi membolehkan para peserta mengetahui dengan lebih lanjut bahan – bahan tempatan, sejarah kaum, tradisi, budaya, sosio – ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya. Disamping itu, menggalakkan semangat kerjasama secara berpasukan dalam menghasilkan kertas kerja yang berkualiti sebagai panduan apabila memasuki dunia kampus kelak.



Guru pengiring / pembimbing terbaik bagi Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2012, Cikgu Lieu Sit Fong dari SMK Bandar Kuching No.1.

Pertandingan ini berlangsung selama lima (5) bulan dan disertai oleh empat (4) buah sekolah menengah dari sekitar Bandaraya Kuching. Setiap sekolah menghantar empat orang pelajar dan seorang guru pembimbing. Pertandingan ini bertemakan kebudayaan dan warisan etnik Sarawak. Hal ini di mana para peserta perlu untuk membuat kajian ringkas mengenai tajuk yang telah dipilih oleh mereka dan dihantar kepada pihak penganjur dalam bentuk salinan bercetak dan tidak bercetak.



Johan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2012 dari sekolah SMK Bandar Kuching No.1.

Pada 22 September 2012 yang lepas, telah diadakan majlis pembentangan hasil kerja oleh para peserta dan juga majlis penyampaian sijil dan hadiah. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini telah dimenangi oleh SMK Bandar Kuching No.1 dengan tajuk kajian "Li Bing masih diminati atau semakin ditelan zaman". Cikgu Lieu Sit Fong dari SMK Bandar Kuching No.1 telah terpilih sebagai Guru Pembimbing Terbaik. Manakala peserta dari sekolah lain telah pulang dengan membawa hadiah saguhati. Majlis pada pagi tersebut turut dihadiri oleh wakil pemerhati dari sekolah menengah dari sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan.

Para peserta Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2012 yang mendapat hadiah saguhati.



SMK Kota Samarahan.



SMK Kota Samarahan.



SMK St Thomas

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN & PERTANDINGAN PERPUSTAKAAN KELUARGA 2012

oleh : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... Kumpulan **Sainsri1** daripada SM Sains Miri telah dinobatkan Johan atau Pemenang **Utama Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2012**.

Projek mereka bertajuk Permainan Tradisional Sarawak: Permainan Kuit telah memperoleh markah tertinggi panel juri. Ini membolehkan kumpulan Sainsri1 yang terdiri daripada **Rina Kardiana bt. Kalong, Azilah bt. Jahari, Najihah bt. Yahya dan Ferennie Angelly Liew**, membawa pulang hadiah utama wang tunai RM1,000.00 beserta sijil kemenangan.

Guru pembimbing kumpulan Sainsri1 iaitu **Umi Bashirah Fariha bt. Abu Bakar** dinobatkan Guru Pembimbing Terbaik dan menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM200.00.



TERBAIK... Kumpulan Sainsri1 dan guru pembimbing mereka menerima hadiah daripada YB Ripin sambil disaksikan oleh Salina (kiri) dan Arpah (dua dari kanan).

Pertandingan yang diadakan bermula bulan Februari lalu adalah terbuka kepada semua sekolah-sekolah menengah di sekitar Bandaraya Miri. Sebanyak 13 kumpulan daripada enam (6) sekolah telah menyertai pertandingan kali ini.

Pertandingan ini adalah kali ke-lima diadakan oleh Pustaka Miri sejak tahun 2008.

lanya bertujuan untuk membimbing para peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber-sumber yang sahih, merancang, mengumpul, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod maklumat-maklumat yang diperolehi untuk membentuk hasil kerja yang lengkap dan komprehensif.

Peserta juga didedahkan dengan penggunaan sumber-sumber maklumat bercetak dan bukan bercetak bagi membolehkan mereka mengetahui dengan lebih lanjut bahan-bahan tempatan, sejarah, kaum, tradisi, budaya, sosio-ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya melalui Program Literasi Maklumat yang dianjurkan oleh Pustaka Miri.



TAHNIAH... YB Ripin menyampaikan hadiah kepada Chiew Ying Jun.

Kumpulan-kumpulan lain yang memenuhi syarat pertandingan menerima sijil penyertaan dan wang tunai RM200.00. Semua pemenang dan peserta juga menerima Keahlian Pustaka percuma untuk satu tahun.

Sementara itu, Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Miri telah diadakan bermula bulan April dan terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Rumah Desa atau Kampung dan Kategori Taman Perumahan.

lanya adalah kali pertama diadakan untuk Peringkat Miri tetapi Pustaka Negeri Sarawak pernah menganjurkan beberapa pertandingan seumpamanya untuk Peringkat Negeri.

Objektif pertandingan adalah untuk menanam sikap menghargai bahan bacaan serta menggalakkan aktiviti membaca secara sekeluarga.

Tiada penyertaan untuk Kategori Rumah Desa / Kampung kali ini.



BEGINI CARANYA... Demonstrasi permainan kuit yang merupakan permainan tradisional kaum Kedayan di Limbang.

Pemenang-pemenang Kategori Taman Perumahan:

TEMPAT PERTAMA (Sijil penyertaan, piala, Keahlian Pustaka percuma untuk satu tahun dan wang tunai RM300.00):

Cik Chiew Ying Jun dari Greenville, Promin Jaya

TEMPAT KEDUA (Sijil penyertaan, piala, Keahlian Pustaka percuma untuk satu tahun dan wang tunai RM200.00):

Pn. Rita Sahara Othman dari Paradise Park, Senadin

TEMPAT KETIGA (Sijil penyertaan, piala, Keahlian Pustaka percuma untuk satu tahun dan wang tunai RM100.00):

Pn. Helena ak. Henry Lajang dari Taman Bumiko

PEMENANG SAGUHATI (Sijil penyertaan & Keahlian Pustaka percuma untuk satu tahun) :

- i) **Pn. Valeri ak. Undum**
- ii) **Pn. Caroline Petrus**

Majlis penyampaian hadiah kedua-dua pertandingan telah diadakan pada 28 Jun 2012 dan disempurnakan oleh **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.62 Lambir Yang Berhormat Encik Ripin Lamat**. Turut hadir adalah Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori Puan Arpah Adenan dan Pengurus Wilayah Pustaka Miri Cik Salina Haji Zawawi.

PUSTAKA MIRI MENYERTAI PERBARISAN DAN RAPAT RAKSASA SEMPENA HARI JADI TYT SARAWAK KE-91

MIRI – Pustaka Miri telah menghantar kontinjen seramai 40 orang untuk menyertai Perbarisan dan Rapat Raksasa bersempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Abang Haji Muhammad Salahuddin pada 8 September 2012.

Sebanyak 91 kontinjen pelbagai agensi dan organisasi telah menyertai acara berkenaan yang diadakan di Stadium Miri.



oleh : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)



PUSTAKA MIRI ACKNOWLEDGED THE LIBRARY SUPPORTERS

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI .. Pustaka Miri has acknowledged a total of 25 of its supporters for two (2) of the library's campaigns.

Five (5) library members were acknowledged for the 'Active Readers' promotion which is aimed to encourage the community to borrow and read more books. The campaign is held every six (6) month or bi-annually.

Stella Tan Wen Jia, Louis Tang Rui Yuan, Michelle Tang Rui Chen, Samantha Chee Wen Xuan and Lim Lee Ching each received certificate of acknowledgement and RM50.00 gift voucher for borrowing the most books for the duration of January to June 2012.

Another twenty (20) Pustaka Miri's members received similar prizes for their contribution in the

'Member-Get-Member' promotion which is held monthly.

Every month, five (5) members who introduced or recruited

the most to become the library's registered members are acknowledged for their effort.



SUPPORT BY THE YOUNG ONE......One of the recipients receiving his certificate and gift voucher from Japri as Librarian Ahmad Samsudin (left) looks on.

The 'Member-Get-Member' promotion recipients for January to June 2012 were Zainuddin Bin Lokman, Lee Ching Fei, Mohamad Nazrin Bin Othman, Farah Nur Ayuni Binti Fadzil, Andreas Sigar Keryer, Rogiwati anak Patrick, Wong Su Chiat, Siti Muthmainnah binti Yakup, Syara Amizah Binti Omar, Chau Anak Jawi, Darwisy Taquiuddin Bin Rozailan, Nur Fatin Asma Liyana Binti Yahya, Mohamad Suhaimi Bin Mohd Surbini, Henry anak Julin, Christian Mimut Anak Edwin, Brandon Sli, Kok Kah Leong, Alif Hafizul Bin Mohamad Halim, Hemran Bin Kadar and Mohd Nur Aizat.

A simple prize-giving ceremony was held on 9th August 2012 and present to give away the prizes was Pustaka Negeri Sarawak's Acting Chief Executive Officer Japri Haji Bujang Masli.

Registered members of Pustaka Miri can automatically participate in the campaign as the records are captured automatically in the library membership system. Terms and conditions apply.

STAFF NEWS

'Selamat Pengantin Baru' **TAHNIAH**

NAMA STAF
MOHAMMAD AMIRUL AQMAL
BIN JULANI

JAWATAN / SEKTOR
Pengawal keselamatan

NAMA PASANGAN
NORAMIEZA BINTI USHOP

TARIKH PERKAWINAN
27 Mei 2012



NAMA STAF
MOHAMED ISMAULLY
BIN ABDUL WAHAB

JAWATAN / SEKTOR
Juruteknik/Sektor
Pengurusan Korporat

NAMA PASANGAN
SITI ZAHARAH BINTI SALLEH

TARIKH PERKAWINAN
11 Mei 2012

CONGRATULATIONS
on your new born



Nama Staf (Ibu)

ISMEWATTI HAJI NARAWI

Jawatan/Sektor

PEMBANTU AKAUNTAN/SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT

Nama Anak

AZZALEA IVANDA BT MOHD RUDY

Tarikh Lahir

13 SEPTEMBER 2012



Nama Staf (Ibu)

VERONICA EDWARD SIDI

Jawatan/Sektor

PEMBANTU PERPUSTAKAAN/ SEKTOR

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Nama Anak

WALTER GERALD NEO

Tarikh Lahir

27 SEPTEMBER 2012

LISTING OF VISITS TO PUSTAKA NEGERI SARAWAK



TARIKH	PELAWAT / ORGANISASI
JULAI 2012	
7	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Penrissen No. 1
11	Lawatan Tadika Bestari Ria
20	Lawatan dari pegawai Perpustakaan Sultan Idris Majlis Bandaraya Johor Bahru Lawatan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
OGOS 2012	
11	Lawatan Perpustakaan Desa Kampung Skuduk
SEPTEMBER 2012	
1	Lawatan KTS Resources
7	Lawatan SJK Chung Hua Kim Choo Seng, Kuching Lawatan SJK Chung Hua Syn San Too
8	Lawatan Ziarah Mahabbah Majlis Perwakilan Murid SMK Agama Sibul 2012
20	Lawatan SJK Chung Hwa Paku
22	Lawatan SJK (C) Wah Man
22	Lawatan Sekolah Menengah Vokasional Betong
26	Lawatan dari Kolej Komuniti Mas Gading
27	Lawatan Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang Lawatan Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, Kota Samarahan
29	Lawatan SMK Balai Ringin

LISTING OF VISITS TO PUSTAKA MIRI

TARIKH	PELAWAT / ORGANISASI
JULAI 2012	
7	Lawatan Sekolah Kebangsaan Senadin
14	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Bakong Lawatan Sekolah Kebangsaan Long Laput
OGOS 2012	
8	Lawatan Sekolah Kebangsaan Merbau (Pra-Sekolah)
SEPTEMBER 2012	
11	Lawatan Sekolah Kebangsaan Anchi (Pra-Sekolah)

